

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HUSAM BIN MUSA

TARIKH : 24 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kelantan dan adakah cadangan untuk menjadikannya pintu masuk serantau yang baharu.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Kementerian ini, pada 5 Mac 2019, telah merujuk kepada Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), berhubung sama ada projek ini perlu diadakan semula Makmal Pengurusan Nilai. Hal ini kerana makmal tersebut telah diadakan pada tahun 2016. Maklum balas daripada Bahagian Pengurusan Nilai yang diterima MOT ialah tiada keperluan untuk melaksanakan semula Makmal Pengurusan Nilai memandangkan ianya baru dilaksanakan pada tahun 2016 dan ianya selaras dengan Pekeliling Pelaksanaan Pengurusan Nilai yang dikeluarkan oleh MEA. Kementerian menjangkakan makmal kejuruteraan nilai dapat disiapkan sebelum projek ini ditender secara tender terbuka, yang dijadualkan pada bulan Julai 2019. Apabila kerja-kerja pembesaran dan naik taraf siap kelak, lapangan terbang ini mampu mengendalikan sejumlah 4 juta penumpang setahun dan mampu mengendalikan operasi penerbangan domestik dan antarabangsa.

2. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Senai). Lapangan-lapangan terbang lain termasuk LTSIP adalah lapangan terbang domestik dan berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan terbang antarabangsa.

3. Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.
4. Pada masa ini, LTSIP mengendalikan penerbangan terus sebanyak 182 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, Subang, Pulau Pinang dan Melaka. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke LTSIP dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 70 kali seminggu. Manakala Firefly dan Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 89 kali seminggu. AirAsia turut menyediakan penerbangan terus dari Kota Kinabalu dan Kuching ke LTSIP dengan jumlah kekerapan masing-masing sebanyak 3 kali seminggu. Di samping itu, Firefly turut menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Pulau Pinang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu. Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Melaka ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu.

Sekian, terima kasih.